

16 JUL 1999
LID-ISTERI
SITI HASMAH KETUAI DIALOG WANITA DI LID '99

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Isteri 11 ketua kerajaan yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi ke4 (LID '99) pada 25-28 Julai akan mengadakan perbincangan bagaimana wanita boleh menyumbang kepada pemulihan ekonomi semasa krisis kewangan.

"Wanita-wanita pertama juga adalah pemimpin dan boleh banyak menyumbang dalam interaksi di Langkawi," kata Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, pengerusi Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT).

Dr Omar, yang juga merupakan Penasihat Sains kepada Perdana Menteri berkata ini adalah ciri baru LID '99 yang diadakan berikutan permintaan khas isteri-isteri itu sendiri.

Datin Seri Dr Siti Hasmah dijangka menjadi perantara sesi khas itu tetapi isteri-isteri itu juga boleh menyertai suami mereka dalam interaksi lain semasa dialog yang telah menarik 300 peserta dari 38 negara.

Beliau berkata demikian selepas upacara penyerahan cek di mana MIGHT menerima penajaan berjumlah RM512,000 daripada 21 syarikat besar tempatan dan asing.

Telekom, penaja utama acara itu sebanyak RM1.5 juta, telah memeterai perjanjian penajaan sebelum ini.

"Jumlah penajaan yang diterima menunjukkan sokongan sihat dari sektor korporat terhadap dialog itu," kata Dr Omar.

Selain dari 11 ketua kerajaan, beliau berkata yang terbaru mengesahkan penyertaan LID adalah Menteri Kewangan Taiwan Dr Paul Chiu Cheng-hsiung.

Dr Paul, bersama-sama dengan para pegawai Malaysia, akan berkongsi pengalaman bagaimana ekonomi masing-masing menangani krisis kewangan dengan mengambil langkah-langkah pemulihan tanpa bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri, Thailand Dr Supachai Panitchpakdi akan berkongsi pengalaman negara yang menerima bantuan kewangan dari IMF, katanya.

Konsep Perkongsian Bijak bermula pada LID yang pertama pada Julai 1995.

Perkongsian Bijak menggalakkan rangkaian kerja, bukan sahaja antara sektor perniagaan dalam konteks negara dan antarabangsa tetapi juga antara kerajaan, sektor perniagaan, kesatuan buruh dan kumpulan-kumpulan lain, untuk menerokai peluang menggalakkan pelaburan, perniagaan dan kesejahteraan.

Tema dialog tahunini adalah "Mengurus Pemulihan Ekonomi Untuk Kesejahteraan Bersama - Pendekatan Perkongsian Bijak".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi perantara satu sesi bertajuk "LID '99, Ke Arah 2000 dan Selajutnya" yang akan memasukkan penyampaian buah fikiran ketua-ketua kerajaan.

Dr Omar berkata sesi khas lain di kalangan pemimpin perniagaan dan juga persembahan Malaysia Airports Bhd mengenai formula kejayaan perkongsian pintar untuk Formula Satu juga akan diadakan. -- BERNAMA

MR JR